

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(VII)24**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN  
YB. KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

24. Projek pembentungan oleh Jabatan Perkhidmatan Pembetungan (JPP).
- (a) Bilakah jangkaan sebenar projek ini akan siap sepenuhnya?
  - (b) Kenapakah projek ini tergendala terlalu lama dan tidak dapat disiapkan mengikut jadual?
  - (c) Adakah Kerajaan Negeri memantau pelaksanaan projek ini melalui Jawatankuasa *Ad-hoc*?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

24. Projek yang di maksudkan adalah Projek Rangkaian Paip Pembentungan (Fasa 2) yang merangkumi kawasan tadahan Bayan Baru. Projek ini dilaksanakan oleh Jabatan Perkhidmatan Pembentungan (JPP) di bawah Kementerian Tenaga dan Sumber Asli.
- (a) Tarikh siap asal projek adalah pada 12 Jun 2020. Walau bagaimanapun, Jawatankuasa Mesyuarat Lanjutan Masa ke 3 pihak JPP telah meluluskan pelanjutan masa selama 214 hari. Tarikh siap terkini berdasarkan kelulusan lanjutan masa ke 3 adalah pada 4 Mac 2021.

- (b) Projek ini menghadapi kelewatan disebabkan oleh perkara-perkara seperti berikut:
- (i) Kepadatan aliran trafik di kawasan Bayan Baru menyebabkan perubahan lokasi kerja dari semasa ke semasa;
  - (ii) Kepadatan utiliti sedia ada di bahu jalan menyukarkan kerja-kerja pembinaan dan mengakibatkan kerja-kerja pengalihan utiliti memakan masa yang lama;
  - (iii) Penemuan batu di kawasan tapak berhampiran Jalan Dato' Ismail Hashim yang memerlukan kaedah *Control Blasting* digunakan bagi kerja-kerja pemecahan batu. Proses ini melibatkan tempoh masa yang panjang untuk dilaksanakan;
  - (iv) Perubahan jajaran pembentungan di Jalan Sultan Azlan Shah berdasarkan arahan dari pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) Pulau Pinang. Perubahan jajaran perlu melalui proses pemindaan rekabentuk terperinci dan kelulusan pihak Kementerian Kewangan (MOF) bagi kos tambahan *Variation Order* (VO); dan
  - (v) Permohonan kerja-kerja tambahan oleh pihak Utiliti (TNB dan Maxis) bagi mengenalpasti kedudukan sebenar utiliti sedia ada di tapak pembinaan.
- (c) Di Negeri Pulau Pinang, pemantauan projek-projek persekutuan termasuklah Projek Rangkaian Paip Pembentungan (Fasa 2) dilaksanakan oleh Pejabat Pembangunan Negeri Pulau Pinang (ICU). Sebarang isu atau masalah berkaitan projek-projek tersebut akan dibentangkan oleh pihak ICU dalam Majlis Tindakan Negeri (MTNg) Pulau Pinang yang dipengerusikan oleh YAB Ketua Menteri bagi menetapkan tindakan selanjutnya.